



## [Experts](#)

# Global Classroom UMPSA: Merentas sempadan bersama penceramah jemputan dari Amerika Syarikat

29 May 2025

Usaha memperluas perspektif global menjadi fokus utama di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) menerusi sesi *Global Classroom* yang berlangsung pada 23 April 2025 yang lalu. Sesi maya yang bermanfaat ini telah dianjurkan oleh Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran

(CIReL) dengan kerjasama Pusat Bahasa Moden (PBM) itu melibatkan seramai 55 orang pelajar pada peringkat diploma dan ijazah yang sedang mengikuti kursus *English for Academic Communication* pada semester ini. Sesi ini telah dijalankan selama dua jam melalui platform Microsoft Teams.

Sesi *Global Classroom* ini memberikan peluang autentik kepada para pelajar untuk berinteraksi bersama penceramah jemputan antarabangsa, Nurulwahida Jamaludin dari syarikat *Schneider Electric* yang berpangkalan di Tennessee, Amerika Syarikat. Beliau merupakan seorang jurutera yang kini memegang jawatan sebagai *Protection, Control and Automation US Offer Manager* - satu peranan penting yang menuntut penggunaan bahasa Inggeris dalam konteks korporat global sebenar.

Centre of Instructional Resources & e-Learning  
2025 Global Classroom **LIVE STREAM**

Centre for Modern Languages | ULE 1222 & ULE 1322

# ENGLISH FOR ACADEMIC COMMUNICATION

## From Panic to Power : Persuade on the Spot!

23 April, 2025  
08:00am - 10:00am

**NURULWAHIDA JAMALUDIN**  
Protection, Control and Automation US Offer Manager  
Schneider Electric  
United States of America

**JOIN US**

Microsoft Teams

**Instructor:**  
**NOOR AZLINDA BINTI ZAINAL ABDIN**  
Senior Language Teacher  
Centre for Modern Languages

**Instructor:**  
**AIYAH HANUM BINTI ABU BAKAR**  
Senior Language Teacher  
Centre for Modern Languages

**Instructor:**  
**AMY ZULAIKHA BINTI MOHD ALI**  
Senior Language Teacher  
Centre for Modern Languages

### Pandangan dunia nyata dari Seberang Benua

Beliau telah berkongsi pelbagai ilmu dan pengalaman berdasarkan penglibatannya di syarikat multinasional berkenaan komunikasi, kerjasama dan profesionalisme adalah teras kejayaan. Sesi perkongsian beliau memfokuskan kepada kepentingan kemahiran berkomunikasi terutamanya

---

persuasive speaking skills dalam dunia pekerjaan global, selain menekankan keperluan untuk bersikap fleksibel dan berkomunikasi secara jelas dalam suasana profesional. Beliau turut berkongsi perjalanan akademik beliau semasa mengikuti pengajian di Korea dan pengalaman bekerja di Jepun.

Sesi perkongsian beliau yang bertajuk '*From Panic to Power: Persuade on the Spot*' benar-benar memberi impak kepada para pelajar kerana ia sangat relevan dengan penilaian lisan yang bakal mereka hadapi berkaitan pelbagai topik di bawah Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Sesi ini turut bertujuan membuka mata pelajar terhadap kepentingan kemahiran berkomunikasi dalam dunia kerjaya sebenar.

Menurut Nurulwahida, bahasa Inggeris bukan sekadar kemahiran bahasa. Ia merupakan alat untuk berhubung, bekerjasama dan membina kerjaya. Kemampuan untuk menyampaikan idea secara jelas dan yakin, terutamanya dalam pasukan yang pelbagai latar belakang, bukan sahaja membuka peluang merentas sempadan, malah mengukuhkan keupayaan seseorang untuk meyakinkan dan mempengaruhi pihak lain dalam konteks profesional.

### **Penglibatan pelajar dan pembelajaran interaktif**

Sesi telah dikendalikan oleh dua orang pelajar UMPSA, Abby Chong Jia Qi dan Abu Afiq Hakimi Abu Yazid. Manakala, penyelar kursus *English for Academic Communication*, Aisyah Hanum Abu Bakar bersama dua orang pensyarah PBM, Noor Azlinda Zainal Abidin dan Amy Zulaikha Mohd Ali telah memainkan peranan penting dalam menjayakan sesi interaksi bersama penceramah jemputan.

Sepanjang sesi berlangsung, para pelajar digalakkan untuk terlibat secara aktif. Beberapa orang pelajar mengambil peluang untuk mengajukan soalan yang bernas dalam segmen soal jawab interaktif. Antara soalan yang dibangkitkan termasuklah bagaimana untuk menangani rasa panik dan gugup semasa berucap secara spontan, serta teknik untuk menyusun idea secara pantas.

Seorang pelajar menyatakan, "Sesi ini membantu saya melihat bagaimana kemahiran memujuk yang dipelajari dalam kelas diaplikasikan dalam kehidupan sebenar. Mendengar terus daripada seseorang yang bekerja di peringkat antarabangsa memberi saya keyakinan bahawa saya juga mampu berjaya di pentas global."

### **Memperkuh kompetensi global melalui bahasa**

Inisiatif *Global Classroom* sejajar dengan komitmen UMPSA dalam melahirkan graduan yang berdaya saing pada peringkat antarabangsa. Menerusi penglibatan maya bersama pendidik, profesional industri dan pemikir antarabangsa, para pelajar didedahkan kepada pelbagai perspektif dunia serta jangkaan sebenar dalam kerjaya, sekali gus memperkayakan pengalaman akademik mereka.

Inisiatif ini juga membuktikan bagaimana teknologi boleh mentransformasikan pendidikan. Walaupun dipisahkan oleh sempadan geografi, bilik darjah maya mampu merentas benua, *Global Classroom* menawarkan pengalaman pembelajaran yang berimpak, inklusif dan memberi inspirasi kepada pelajar.

### **Ke hadapan: Komitmen berterusan terhadap pengantarabangsaan**

Pusat Bahasa Moden (PBM) UMPSA terus memperkasa inisiatif *Global Classroom*, selaras dengan usaha untuk memacu pengantarabangsaan dan inovasi dalam pendidikan. Dengan peningkatan bilangan sesi yang kini ditawarkan merentasi tahap *Basic*, *Standard* dan *Advanced*, inisiatif ini menyediakan platform yang dinamik bagi pertukaran silang budaya dan pengayaan akademik.

---

PBM kekal komited dalam menghubungkan para pelajar dengan suara-suara global daripada pelbagai bidang dan disiplin. Melalui interaksi ini, para pelajar bukan sahaja memperoleh kecekapan berbahasa, tetapi turut membina kesedaran global, pemikiran kritis, dan kemahiran komunikasi antara budaya. Ia merupakan ciri-ciri penting untuk berjaya dalam dunia yang saling berhubung ini.

*Global Classroom* bukan sekadar siri perkongsian; ia adalah gerbang kepada keterlibatan global. Ia memperkasakan pelajar melalui bahasa, memperkayakan mereka melalui pembelajaran bersama, dan memberi inspirasi melalui kepimpinan. Melalui kolaborasi yang bermakna ini, UMPSA terus membentuk graduan yang bukan sahaja cemerlang secara akademik, malah berpandangan global dan bersedia untuk bersaing dalam tenaga kerja antarabangsa yang sentiasa berkembang.



Amy Zulaikha Mohd Ali

E-mel: [amyzulaikha@umpsa.edu.my](mailto:amyzulaikha@umpsa.edu.my)

**Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM)  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)**



**Aisyah Hanum Abu Bakar**

E-mel: [hanum@umpsa.edu.my](mailto:hanum@umpsa.edu.my)

**Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM)**

**Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)**



**Noor Azlinda Zainal Abidin**

E-mel: [azlinda@umpsa.edu.my](mailto:azlinda@umpsa.edu.my)

**Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM)**

**Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)**

- 121 views

[View PDF](#)